

# Jururawat perlu utama negara: PM

BH-15/5/2007

## Kerajaan rugi tenaga mahir hijrah

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

**K**UALA LUMPUR: Jururawat profesional yang berkemahiran tinggi dan terlatih diminta kekal berkhidmat dalam negara bagi memastikan negara tidak ketinggalan jururawat berpengalaman dan berkebolehan.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini kerana hampir 400 jururawat mahir dan terlatih berhijrah ke luar negara untuk berkhidmat di negara asing.

"Saya amat berharap Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) serta Kementerian Kesihatan bekerjasama memastikan negara kita tidak ketinggalan jururawat mahir dan berpengalaman kerana ia kerugian kepada negara.

"Apatah lagi dalam realiti masa kini, jururawat profesional semakin tinggi nilainya dalam pasaran pekerjaan," katanya dalam ucapan pada majlis perasmian sambutan Hari Jururawat Antarabangsa dan Seminar anjuran MNA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abd Jalil. Hadir sama Presiden MNA, Ramziah Ahmad.

Abdullah berkata, kerajaan meluluskan dasar memberi peluang kepada jururawat yang memiliki daya kepemimpinan tinggi dan berpengalaman untuk menjadi pengarah hospital sebagai pengiktirafan kepada mereka.

"Dasar ini sudah pun diperkenalkan di negara maju dan kita percaya jururawat negara kita tidak kurang hebatnya.

"Bagi jururawat yang sudah diberi peluang ini, saya berharap dapat membuktikan bahawa jururawat juga mampu menunjukkan teladan kepimpinan yang tinggi dan menjadi tunggak kemajuan dalam profesion kesihatan di negara kita," katanya.

Sesuai dengan tema sambutan itu, Amalan Persekitaran Positif: Tempat Kerja Berkualiti = Penjagaan Pesakit Berkualiti, Abdullah berkata, perse-

kitaran kerja bersih, selamat dan ceria adalah prasyarat penting menjamin kualiti kerja sesebuah mana organisasi.

"Dalam konteks profesion kejururawatan, kepentingan persekitaran kerja mempunyai nilai tinggi memandangkan jururawat berurusan dengan kesihatan pesakit," katanya dan menambah kerajaan menetapkan pelaburan RM1 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk memacu pembangunan modal insan dan menampung kekurangan dalam profesion kesihatan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga menggariskan pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor ekonomi baru yang dibangunkan.

"Kita akan menggalakkan pembangunan beberapa hospital sebagai pusat kecemerlangan kesihatan, selaras tema pelancongan kesihatan yang dipromosikan ke serata dunia.

"Namun, kita sedar, usaha ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan sokongan padu komuniti kejururawatan negara ini dan saya berharap MNA dapat menarik ahlinya berganding tenaga untuk menjayakan usaha murni itu," katanya.